

**Pulangan Tunai Perbelanjaan Global
bagi Premium Insurans
dengan Kad Kredit Visa Alliance Bank**

Terma dan Syarat

1. **"Kempen Pulangan Tunai Perbelanjaan Global bagi Premium Insurans dengan Kad Kredit Visa Alliance Bank" ("Kempen")** yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") akan berlangsung mulai 1 Oktober 2025 hingga 31 Mac 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau sebarang tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**").
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan memberi persetujuan sepenuhnya untuk terikat dengan dan menerima segala Terma dan Syarat tersebut.

Kelayakan Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank

3. Kempen ini adalah terbuka kepada semua Pemegang Kad baharu dan sedia ada bagi Kad Kredit Visa Alliance Bank ("**Pemegang Kad Kredit yang Layak**") yang memegang Kad Kredit Visa Alliance Bank yang sah dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi dalam Tempoh Kempen ("**Kad Kredit**"), sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank.
4. Untuk mengelakkan keraguan:
 - a. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan berkenaan dengan Kempen ini akan terakru kepada transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Utama dengan syarat akaun Pemegang Kad Utama yang berkenaan adalah aktif, sah dan mempunyai kedudukan kredit yang baik;
 - b. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan kelayakan Pemegang Kad Utama untuk menyertai Kempen ini.
5. Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a. Pemegang Kad bagi mana-mana Kad Kredit Perniagaan dan/atau Kad Kredit Visa bukan Alliance Bank;
 - b. Pemegang Kad yang akaunnya dengan Bank adalah dorman, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - c. Pemegang Kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang jenis prosiding undang-undang;
 - d. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
 - e. Mana-mana individu lain yang ditetapkan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalamannya;
 - f. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank;
 - g. Syarikat Pemilikan Tunggal atau Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Kebajikan/Bukan Untung, serta Pelanggan Korporat dan Komersial.

KRITERIA KEMPEN

6. Kriteria Kelayakan:

Untuk melayakkan diri bagi pulangan tunai, pemegang kad mestilah:

- Membuat **pembayaran premium insurans minimum sebanyak RM5,000** menggunakan **Kad Kredit Visa Alliance Bank**.
- Membelanjakan sejumlah **minimum RM1,000 bagi transaksi luar negara** (atau yang setara dengannya dalam mata wang asing) menggunakan kad yang sama **dalam bulan kalendar yang sama**.

7. Peringkat Pulangan Tunai:

Jadual 1: Peringkat Pulangan Tunai

Peringkat	Julat Premium Insurans (RM)	Kadar Pulangan Tunai
Peringkat 1	RM5,000 – RM9,999.99	0.5%

Peringkat	Julat Premium Insurans (RM)	Kadar Pulangan Tunai
Peringkat 2	RM10,000 – RM14,999.99	1.0%
Peringkat 3	RM15,000 – RM19,999.99	2.0%
Peringkat 4	RM20,000 ke atas	3.0%

8. Had Pulangan Tunai: Pulangan Tunai dihadkan pada **RM600 bagi setiap pemegang kad setiap bulan**.
9. Pulangan tunai akan dikira berdasarkan jumlah premium bagi setiap polisi individu dan tidak akan digabungkan atau dikumpulkan merentasi beberapa polisi.
10. Jumlah pembayaran pulangan tunai bagi Kempen ini dihadkan pada RM293,063 sepanjang Tempoh Kempen.
11. Insurans hanya terpakai bagi Kod Kategori Saudagar ("MCC Layak") berikut sahaja, seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: MCC Layak bagi Insurans

Kategori	MCC Layak	Huraian
Insurans	6300&5960	5960 - Pemasaran Langsung - Perkhidmatan Insurans 6300 - Penajajaminan Insurans, Premium

12. Transaksi berikut adalah dikecualikan daripada kelayakan pulangan tunai:
 - a. Fi pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai, Program Pemindahan Baki, Tunai Segera, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan Internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi tunai, fi tahunan, fi pembayaran lewat, faedah, caj pembiayaan; dan/atau mana-mana program usaha sama khas;
 - b. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana saudagar yang mempunyai kaitan dengannya atau di bawah kawalannya (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemilik, rakan kongsi, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana ia merupakan pekerja atau majikan atau menjalankan kerjasama atau mempunyai saham atau kepentingan atau merupakan pengarahnya;
 - c. Transaksi runcit yang dikembalikan, dipertikaikan, dibuat tanpa kebenaran dan/atau berunsur penipuan; dan/atau
 - d. Transaksi dengan Kod Kategori Saudagar ("MCC") di bawah, seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3: Transaksi/Fi dan Caj yang Dikecualikan

Transaksi/Fi dan Caj	Kod MCC
Penambahan nilai e-dompet	6540 - Institusi Bukan Kewangan – Pembelian/Penambahan Nilai bagi Kad Nilai Tersimpan
Transaksi runcit yang dibuat/pembayaran yang dibuat kepada mana-mana Agensi/Badan Kerajaan bagi perkhidmatan	9211 - Kos Mahkamah termasuklah Alimoni dan Tanggungan Anak 9222 - Denda 9223 - Pembayaran Jaminan dan Bon 9311 - Pembayaran Cukai 9399 - Perkhidmatan Kerajaan (Tidak dikelaskan di tempat lain) 9402 - Perkhidmatan Pos - Kerajaan sahaja 9405 - Transaksi Intra-Kerajaan - Kerajaan sahaja

Pembayaran kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial	8398 - Organisasi Kebajikan dan Perkhidmatan Sosial
Transaksi Kuasi Tunai	7995 -Transaksi Perjudian
Pendahuluan Tunai, sebarang fi dan caj seperti Caj Pembiayaan, Caj Lewat, Fi Tahunan, Pemindahan Baki atau Tunai Segera adalah tidak layak untuk mendapatkan sebarang Hadiah Kempen	NIL

- e. Transaksi lain yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- Penetapan kategori Saudagar dan MCC bagi setiap saudagar dilaksanakan oleh bank pemeroleh saudagar yang berkenaan, dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk memperuntukkan kategori Saudagar dan MCC yang tepat. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak tidak memenuhi kriteria Transaksi Layak disebabkan oleh penetapan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemeroleh, Bank tidak bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.
 - Semua Transaksi Layak mestilah menunjukkan tarikh transaksi (ditakrifkan sebagai tarikh di mana transaksi dicaj kepada Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak sebagaimana dalam rekod Bank) dalam Bulan Kempen yang sama dan akan diagregatkan bagi Bulan Kempen yang sama. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen mesti direkodkan dan dihantar ke sistem Bank dalam Tempoh Kempen untuk melayakkan diri mendapatkan Pulangan Tunai Kempen. Segala transaksi yang diluluskan sebagaimana yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas penghantaran rekod transaksi runcit yang lewat, dibatalkan, dibalikkan/dipulangkan, dipertikaikan, dibuat tanpa kebenaran dan/atau berunsur penipuan. Sebarang amaun Transaksi yang tidak direkodkan dalam bulan yang sama transaksi tersebut dibuat tidak akan diagregatkan bagi bulan tersebut.

Rujuk contoh untuk pulangan tunai yang diperoleh seperti dalam Contoh 1 di bawah:

Contoh 1: Peringkat Pulangan Tunai yang Diperoleh

Senario A:

Pelanggan A membelanjakan sejumlah RM 1000.62 menerusi transaksi luar negara (atau yang setara dengannya dalam mata wang asing) menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank dalam bulan yang sama (Oktober 25)

- SGD165 (kira-kira RM 539.55) untuk makan minum di Singapura.
- SGD141 (kira-kira RM 461.07) di pasar raya di Singapura.
- Pelanggan A membuat pembayaran premium insurans sebanyak RM5,000 dalam bulan Oktober 25 menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank.

Pemegang Kad yang Layak	Tarikh Transaksi	Amaun yang Dibelanjakan	Memenuhi syarat	Peringkat Pulangan Tunai
Pelanggan A	8 Oktober 2025	SGD165 (kira-kira RM539.55)	Ya	0.5% daripada Premium Insurans (RM5,000) = RM25
	20 Oktober 2025	SGD141 (kira-kira RM461.07)		

Pertukaran adalah berdasarkan kadar tukaran S\$1.000 SGD = RM3.27 MYR pada 23 September 2025.

Pelanggan A memenuhi syarat kempen dengan membuat pembayaran premium insurans sebanyak RM5,000, serta membelanjakan RM1,000.62 menerusi transaksi luar negara dalam bulan yang sama (Oktober 2025), menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank.

Senario B

Pelanggan B membelanjakan sejumlah RM 3318 dalam transaksi luar negara (atau yang setara dengannya dalam mata wang asing) menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank dalam bulan yang sama (November 2025)

- USD110 (kira-kira RM 462) di pasar raya di AS
- USD230 (kira-kira RM 966) di Premium Outlet di AS
- USD450 (kira-kira RM 1890) untuk makan minum di AS
- Pelanggan B membuat pembayaran premium insurans berjumlah RM15,000 dalam bulan November 25 menggunakan Kad Kredit Master Alliance Bank.

Pemegang Kad yang Layak	Tarikh Transaksi	Amaun yang Dibelanjakan	Memenuhi syarat	Peringkat Pulangan Tunai
Pelanggan B	1 November 2025	USD110 (kira-kira RM 462)	Tidak. Menggunakan Kad Kredit Mastercard.	NIL
	11 November 2025	USD230 (kira-kira RM 966)		
	30 November 2025	USD450 (kira-kira RM 1890)		

Pertukaran adalah berdasarkan kadar tukaran S\$1.000 USD = RM4.20 MYR pada 23 September 2025

Pelanggan B **tidak memenuhi syarat kempen** kerana menggunakan Kad Kredit Mastercard Alliance Bank untuk pembayaran insurans dan bukannya Kad Kredit Visa Alliance Bank.

Senario C:

Pelanggan C membelanjakan sejumlah RM 4670.40 bagi transaksi luar negara (atau yang setara dengannya dalam mata wang asing) menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank dalam bulan yang sama (Disember 25)

- AUD 600 (kira-kira RM1668) di Pusat Beli-belah
- AUD 700 (kira-kira RM1946) untuk makan minum di Australia
- AUD 380 (kira-kira RM1056.4) di Fish Market
- Pelanggan C membuat pembayaran premium insurans berjumlah RM11,000 dalam bulan Disember 25 menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank.

Pemegang Kad yang Layak	Tarikh Transaksi	Amaun yang Dibelanjakan	Memenuhi syarat	Peringkat Pulangan Tunai
Pelanggan C	2 Disember 2025	AUD600 (kira-kira RM 1668)	Ya	1% daripada Premium Insurans (RM11,000) = RM110
	8 Disember 2025	AUD700 (kira-kira RM 1946)		
	10 Disember 2025	AUD380 (kira-kira RM 1056.4)		

Pertukaran adalah berdasarkan kadar tukaran AUD1.000 = RM2.78 MYR pada 23 September 2025

Pelanggan C **telah memenuhi syarat kempen** dengan membuat pembayaran premium insurans sebanyak RM11,000, serta membelanjakan sejumlah RM4,670.4 dalam transaksi luar negara dalam bulan yang sama (Disember 2025), menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank.

Senario D:

Pelanggan D telah memenuhi syarat kempen secara konsisten sepanjang tempoh tiga **bulan**:

- **Pembayaran Premium Insurans:** Membuat pembayaran premium insurans menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank.
- **Perbelanjaan Luar Negara:** Membelanjakan lebih daripada RM1,000 dalam transaksi luar negara dalam bulan Oktober, November, dan Disember.
- **Premium Insurans & Pulangan Tunai yang Diperoleh:**

Bulan Kempen	Premium Insurans (RM)	Perbelanjaan Luar Negara (RM)	Peringkat Pulangan Tunai	Kadar Pulangan Tunai	Amaun Pulangan Tunai (RM)
Oktober	5,000	1,000.62	Peringkat 1	0.5%	25.00
November	11,000	1,050.75	Peringkat 2	1%	110.00
Disember	25,000	1,100.80	Peringkat 4	3.0%	600.00 (Dihadkan pada RM600 sebulan)
Jumlah	41,000	3,152.17			735.00

Pelanggan D layak mendapat pulangan tunai bagi ketiga-tiga bulan tersebut, dengan memperoleh sejumlah RM735.00.

PULANGAN TUNAI & PENUNAIAAN KEMPEN

- Ahli Kad yang Layak yang memenuhi Kriteria Perbelanjaan Layak yang ditetapkan dalam Klausa 6 hingga 13 akan diberikan Pulangan Tunai ("**Pemenang Kempen**").
- Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada akaun Kad Utama Pemenang Kempen dalam masa tiga (3) bulan selepas tamat setiap Bulan Penyertaan Kempen, seperti dalam Jadual 4 ("**Tempoh Penunaaian**").
- Tempoh Penyertaan Kempen dan Tarikh Penunaaian Pulangan Tunai Kempen adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Tempoh Penunaaian Kempen

Bulan Penyertaan Kempen (" Bulan Kempen ")	Tarikh Penunaaian (Pulangan Tunai Kempen)
1 Oktober 2025 – 31 Oktober 2025	Sebelum 31 Januari 2026
1 November 2025 – 30 November 2025	Sebelum 28 Februari 2026
1 Disember 2025 – 31 Disember 2025	Sebelum 31 Mac 2026
1 Januari 2026 – 31 Januari 2026	Sebelum 30 April 2026

1 Februari 2026 – 28 Februari 2026	Sebelum 31 Mei 2026
1 Mac 2026 – 31 Mac 2026	Sebelum 30 Jun 2026

18. Pemenang Kempen akan dimaklumkan oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dan/atau Mel Kiriman Langsung (“EDM”) dan/atau **pemberitahuan automatik app mudah alih allianceonline** yang dihantar ke nombor telefon bimbit atau alamat e-mel mereka yang terkini sebagaimana yang direkodkan dan terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank;
19. Semua Pemenang Kempen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel mereka adalah yang terkini dan telah dikemas kini dengan Bank. Pemberitahuan mengenai Pulangan Tunai dilaksanakan berdasarkan nombor telefon dan/atau e-mel setiap Pemenang Kempen yang terdapat dalam rekod Bank;
20. Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, Pemenang Kempen perlu menghubungi Pusat Perhubungan Bank (03-5516 9988) sebelum 30 September 2026. Sebarang pertanyaan tidak akan dilayan selepas tarikh ini.
23. Bank berhak membatalkan kelayakan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak atau membatalkan Pulangan Tunai Kempen sekiranya didapati adanya transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlakunya pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen menurut dasar dalaman Bank. Segala rekod Bank mengenai transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
21. Untuk mengelakkan keraguan, adalah menjadi kewajipan Pemegang Kad yang Layak untuk mengemukakan nombor telefon dan alamat e-mel mereka yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemegang Kad yang Layak disebabkan oleh nombor telefon dan/atau alamat e-mel yang tidak tepat/tidak sah yang dikemukakan oleh Pemegang Kad yang Layak, atau notifikasi tidak dapat dihantar/disampaikan disebabkan oleh sebarang sebab sekalipun yang tidak berpunca daripada Bank.
22. Pulangan Tunai Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai, cek, kredit dan/atau barangan. Keputusan Bank berkenaan dengan segala perkara yang berkait dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau cubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Pulangan Tunai Bulanan untuk memindahkan atau menukarkan kelayakan Pulangan Tunai Kempen kepada akaun mana-mana pihak ketiga.

TERMA DAN SYARAT AM

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membaca dan memahami terma yang ditetapkan sebelum mempersetujui Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini serta keputusan Bank mengenai segala perkara yang berkait dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
24. Bank berhak menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu menerusi hantaran pada laman web Bank, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui sebarang kaedah pemberitahuan lain yang menjadi pilihan Bank, dan ia akan mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan tersebut atau mulai tarikh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad yang

Layak dengan ini bersetuju untuk sentiasa mengakses laman web Bank untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen ini.

25. Bank berhak, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya berdasarkan dasar dalaman Bank, untuk menukar atau menggantikan Hadiah Kempen dengan item atau ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web Bank.
26. Terma dan Syarat Kempen ini merupakan tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk dan akaun perbankan Pemegang Kad dengan Bank ("Terma Sedia Ada").
27. Terma dan Syarat Kempen dan keputusan Bank berkenaan segala hal yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
28. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang jenis liabiliti yang timbul atau ditanggung dalam apa juga cara oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini yang diakibatkan oleh tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh Pemegang Kad yang Layak dalam apa cara sekalipun sekiranya Bank tidak berupaya melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Kempen ini sama ada secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.
29. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen.
30. Akaun Kad Kredit dan akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, untuk melayakkan diri mendapatkan Hadiah Kempen.
31. Bank berhak membatalkan kelayakan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Hadiah Kempen sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman ABMB. Segala rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
32. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad yang Layak atau penarikan balik Hadiah Kempen tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau untuk menuntut sebarang pampasan terhadap Bank atau bagi sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik yang diakibatkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
33. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.

34. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya kepada ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
35. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank, <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010>) dan dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan penganjuran Kempen ini.
36. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan membuat perjanjian, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpanan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
37. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan tersebut dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
38. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan semua Pelanggan yang Layak akan dianggap sebagai telah memberi persetujuan untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.

PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN SCAM PERBANKAN

39. Bank akan menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pemegang Kad yang Layak dari semasa ke semasa bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.
40. Pemegang Kad yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pemegang Kad yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya. Pemegang Kad yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pemegang Kad yang Layak memaklumkan kepada Bank, menurut Terma dan Syarat ini, bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.
41. Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak dikaitkan dengan kecuaiannya yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pemegang Kad yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang

lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian dari segi keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabahnyanya telah boleh dijangka oleh Bank.

42. Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad yang Layak mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad yang Layak dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank membuat siasatan:
- a. Menggantung atau membekukan akaun yang berkenaan;
 - b. Membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad yang Layak; dan/atau
 - c. Membatalkan kesahan instrumen perbankan, dan Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan setelah langkah di atas dilaksanakan.